

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 9/2007**

=====

**KAEDAH/TATACARA PELUPUSAN BARANGAN
RAMPASAN/HIDUPAN/TERNAKAN YANG TELAH DI LUCUTHAK
ATAU DISIFATKAN TELAH DILUCUTKAN KERANA KESALAHAN
DI BAWAH SEKSYEN 425 ATAU 426 KANUN TANAH NEGARA,
1965 UNTUK PEMAKAIAN OLEH PEJABAT TANAH DI
SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 19/2007 yang bersidang pada 21 Jun 2007** telah mempertimbangkan dan meluluskan pemakaian jilid garis panduan mengenai penguatkuasaan, penyediaan kertas siasatan, pendakwaan dan penyitaan di bawah seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara, 1965 yang telah diedarkan kepada semua pejabat tanah pada November 2006 serta meluluskan kaedah/tatacara pelupusan barangan rampasan/hidupan/ternakan yang telah dilucuthak oleh Mahkamah atau **dijadikan dasar Kerajaan Negeri dan panduan kepada kakitangan pejabat tanah** untuk mengendalikan tugas berkaitan penguatkuasaan hal ehwal tanah di Selangor.

2. LATARBELAKANG

2.1 Pada November 2006 satu jilid bertajuk “**Garis Panduan Penguatkuasaan, Penyediaan Kertas Siasatan, Pendakwaan dan Penyitaan di bawah seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara, 1965**” telah diedarkan kepada warga kerja pejabat tanah yang mengendalikan tugas penguatkuasaan.

2.2 **Kesinambungan bagi jilid tersebut ialah kaedah/tatacara tindakan pelupusan bagi barangan rampasan/hidupan/ternakan** termasuk tindakan pelupusan ke atas jentera/kenderaan yang telah disita dan dilucuthak oleh Mahkamah atau disifatkan telah dilucuthak di bawah seksyen 425 Mahkamah dan 426 Kanun Tanah Negara, 1965 untuk dijadikan panduan kepada semua kakitangan unit penguatkuasaan pejabat tanah di Selangor apabila perlu melaksanakan tindakan pelupusan bagi perkara yang berkaitan.

3. KAEDAH/TATACARA PELUPUSAN KENDERAAN/ JENTERA /ALATAN LAIN/ HIDUPAN/ TERNAKAN YANG DICADANGKAN

Seperti yang dirujuk di dalam LAMPIRAN

4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

4.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua pejabat tanah di dalam Negeri Selangor.

4.2 Pelaksanaan Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **21 JUN 2007.**

T.T

(ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 5 Okt, 2007

LAMPIRAN

1. LUCUTHAK PEJABAT TANAH

1.1 Kenderaan/jentera/alatan-alatan lain yang dilucuthak adalah:

1.1.1 Kenderaan/jentera/alatan-alatan lain yang telah **dilucuthak oleh Mahkamah** di bawah seksyen 426C(4)(c) Kanun Tanah Negara, 1965 *setelah* dibuktikan ia adalah suatu '*subject matter*' atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426 Kanun Tanah Negara, 1965 sama ada kesalahan itu telah dikompaun di bawah seksyen 429B Kanun Tanah Negara, 1995 atau tidak;

1.1.2 Kenderaan/jentera/alatan-alatan lain yang merupakan '*subject matter*' atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426 Kanun Tanah Negara, 1965 dan **disifatkan telah dilucuthak setelah tuntutan dibuat dalam tempoh satu bulan daripada tarikh rampasan**, (setelah mamatuhi semua prosidur mengenai notis) mengikut 426A Kanun Tanah Negara, 1965.

2. KUASA PELUPUSAN

2.1 Seksyen **426C(5) Kanun Tanah Negara, 1965** menyatakan bahawa semua barang yang **dilucuthak atau disifatkan telah dilucuthak** hendaklah diserahkan kepada Pentadbir Tanah dan hendaklah **dilupuskan** mengikut arahan;-

(a) Pengarah Negeri;

(b) Ketua Pengarah Tanah dan Galian, jika kesalahan dilakukan atas tanah yang dipegang oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan; atau

(c) oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika kesalahan dilakukan atas tanah yang dipegang oleh atau bagi pihak, suatu pihak berkuasa tempatan, atau suatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri.

2.2 Seksyen **426(6) Kanun Tanah Negara, 1965** menyatakan bahawa jika apa-apa benda yang dirampas dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah perenggan (b) seksyen kecil (1) seksyen 426_A adalah berbentuk boleh binasa atau jika penjagaan benda itu melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah dan menyukarkan, **Pengarah Negeri, Ketua Pengarah Tanah dan Galian atau pihak berkuasa berkenaan**, mengikut mana yang berkenaan, **bolehlah mengarahkan supaya benda itu dijual pada bila-bila masa** dan hasil jualan itu dipegang menanti keputusan apa-apa dakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

3. KAEDAH-KAEDAH/TATACARA PELUPUSAN

3.1 Melalui garis panduan secara umum yang diberikan oleh Jabatan Kastam Malaysia terdapat 3 kaedah/tatacara yang didapati sesuai untuk melupuskan kenderaan/jentera/alatan-alatan lain yang dilucuthak atau disifatkan telah dilucuthak ekoran kesalahan yang telah dilakukan di bawah seksyen 425 atau 426 Kanun Tanah Negara, 1965 boleh diadaptasi oleh pejabat tanah, iaitu seperti berikut:

3.1.1 Pelupusan melalui **Tender**;

3.1.2 Pelupusan melalui **Sebutharga** sebagai alat ganti/ sisa besi (scrap); dan

3.1.3 Pelupusan secara **Lelong**.

3.2 **Tatacara Pelupusan Melalui Tender**

3.2.1 Jualan melalui Tender mesti **diiklankan** sekurang-kurangnya sekali dalam 3 akhbar tempatan iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris;

3.2.2. **Harga minimum (simpanan) berdasarkan nilai semasa hendaklah ditetapkan** terlebih dulu dan Jabatan Kerja Raya akan menetapkan harga simpanan di mana nilai harga minimum ini akan dinyatakan di dalam iklan tender;

3.2.3 Kenderaan/jentera yang telah dilucutkan adalah yang **telah didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan**;

3.2.4 Notis Tender disediakan menggunakan format di '**Lampiran A**' dan diedarkan secara meluas untuk makluman pihak awam;

3.2.5 Orang awam/syarikat/badan berkanun yang berminat dengan iklan tender ini dibenarkan melihat (*view*) kenderaan/jentera yang ditawarkan sebagaimana ianya (*as it is*) sebelum pihak-pihak tersebut mengemukakan tawaran. Masa melihat akan ditetapkan di dalam Notis Tender sekurang-kurangnya 3 hari waktu bekerja;

3.2.6 Pihak yang berminat, sama ada setelah melihat kenderaan/jentera yang ditawarkan atau tidak, hendaklah memberikan **deposit tender** pada atau sebelum tarikh tutup yang ditetapkan di dalam **Notis Tender sebanyak 10%**

daripada harga tawaran (harga minimum) tertakluk kepada maksimum RM10,000.00 disertakan bersama tawaran. Tender yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Deposit tender akan diselaraskan atau dikembalikan mengikut mana yang berkenaan setelah keputusan tender diperolehi;

3.2.7 Suatu **Jawatankuasa Tender Lucuthak** akan ditubuhkan dan ahli Jawatankuasa Tender Lucuthak ini hendaklah terdiri daripada Pentadbir Tanah atau seorang Ketua Penolong Pentadbir Tanah, seorang Penolong Pentadbir Tanah, seorang pegawai kanan Kumpulan Sokongan dan seorang kakitangan Kumpulan Sokongan. Pentadbir Tanah atau Ketua Penolong Tanah bertanggungjawab untuk menganalisa tender dan membuat perakuan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri untuk keputusan petender mana yang berjaya. Seorang Penolong Pentadbir Tanah dengan seorang pegawai kanan Kumpulan Sokongan bertanggungjawab untuk membuka tender yang diterima atau menjadualkan semula tender jika perlu. Seorang kakitangan Kumpulan Sokongan bertanggungjawab untuk menguruskan pengiklanan tender, menerima atau memulangkan semua petender, keputusan tender, menyampaikan surat pemberitahuan kepada semua petender maklumat tentang perkara-perkara lain yang berkaitan dengan urusan tender;

3.2.8 Selepas tender dibuka oleh seorang Penolong Pentadbir Tanah dengan seorang pegawai kanan Kumpulan Sokongan maka kakitangan Kumpulan Sokongan perlu menyenaraikan semua tawaran yang diterima dengan borang seperti di '**Lampiran B**'; Penolong Pentadbir Tanah dengan pegawai

kanan Kumpulan Sokongan yang membuka tender tersebut mesti menandatangani Jadual Tender;

- 3.2.9 Perakuan mengenai tender perlu dibuat oleh Pentadbir Tanah atau Ketua Penolong Pentadbir Tanah dalam masa sekurang-kurangnya 2 minggu setelah tamat tempoh tender. Dalam mengemukakan perakuan tersebut kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri salinan iklan tender, jadual pembukaan tender, salinan iklan tender, jadual pembukaan tender, salinan deposit petender dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan hendaklah dilampirkan bersama;
- 3.2.10 Perakuan tender tersebut akan diangkat kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri di mana beliau perlu memberikan keputusan tender setelah mengadakan mesyuarat dengan suatu **Jawatankuasa Pemutus Tender Lucuthak** yang terdiri daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri, seorang Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri, seorang Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, seorang Pegawai Penempatan Kanan dan seorang Pegawai Penempatan Kanan dan seorang Pegawai Undang-Undang;
- 3.2.11. Jika Pengarah Tanah dan Galian Negeri mempunyai kepentingan persendirian atau kepentingan terletakhak terhadap mana-mana petender yang diperakukan maka beliau perlu menarik diri daripada membuat keputusan mengenai tender tersebut dari Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri akan membuat keputusan bagi tender tersebut. Jika kedua-dua mereka mempunyai kepentingan persendirian atau kepentingan terletakhak terhadap mana-mana petender yang diperakukan maka tender tersebut akan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk keputusan.

Pegawai-pegawai lain yang mempunyai kepentingan persendirian atau kepentingan terletakhak terhadap mana-mana petender yang diperakukan juga perlu menarik diri daripada menguruskan tender tersebut;

3.2.12 Dalam memilih tender yang berjaya, pihak jawatankuasa hendaklah **memastikan harga tawaran tidak kurang daripada harga simpanan**. Jika tawaran tertinggi masih kurang daripada harga simpanan maka jawatankuasa boleh menggunakan budibicaranya untuk memutuskan bahawa harga tawaran adalah munasabah. Jika tidak tender tersebut hendaklah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk keputusan;

3.2.13 Keputusan tender tersebut hendaklah dibuat oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri atau Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri dalam tempoh sekurang-kurangnya 2 minggu daripada tarikh penerimaan perakuan tender daripada Pentadbir Tanah atau sehingga mendapatkan keputusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (jika berkaitan).

3.2.14 Petender yang berjaya hendaklah dimaklumkan serta merta dan kegagalan petender yang berjaya menerima tawaran dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan deposit tender dirampas dan pihak jawatankuasa boleh menimbangkan pula tawaran tender yang lain. Jika tawaran lain terlalu rendah tender boleh dipelawa semula atau dirujukkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk keputusan.

3.3. **Tatacara Pelupusan Melalui Sebutharga Sebagai Alat Ganti/Sisa Besi (scrap)**

- 3.3.1 Bagi kenderaan/ jentera yang masih utuh keadaan fizikalnya **tetapi tidak boleh didaftarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan** disebabkan tiada nombor plet atau *chasis* yang tidak dapat dikenalpasti atau lain-lain sebab maka ia akan dijual mengikut kaedah sebutharga sebagai alat-alat ganti dengan berasaskan harga borong.
- 3.3.2 Bagi kenderaan/jentera yang sudah usang dan tidak boleh didaftarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan maka ia akan **dijual mengikut kaedah sebutharga sebagai sisa besi berasaskan harga sisa besi**;
- 3.3.3 **Harga minimum (simpanan) berdasarkan nilai semasa hendaklah ditetapkan** terlebih dulu dan Jabatan Kerja Raya akan menetapkan harga simpanan di mana nilai harga minimum ini akan dinyatakan di dalam pelawaan sebutharga;
- 3.3.4 Notis Sebutharga perlu disediakan seperti borang di 'Lampiran C' dan dipelawa kepada sekurang-kurangnya 10 syarikat atau individu. Orang awam/syarikat/badan berkanun yang berminat dengan pelawaan sebutharga ini dibenarkan melihat (*view*) kenderaan/jentera yang ditawarkan sebagaimana ianya (*as it is*) sebelum pihak-pihak tertentu mengemukakan tawaran. Masa melihat akan ditetapkan di dalam pelawaan sebutharga sekurang-kurangnya 3 hari waktu bekerja;
- 3.3.5 Pihak yang berminat, sama ada setelah melihat kenderaan/jentera yang ditawarkan atau tidak, hendaklah memberikan **deposit sebutharga** pada atau sebelum tarikh tutup yang ditetapkan di dalam **pelawaan sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran (harga minimum)**

tertakluk kepada maksimum RM10,000.00 disertakan akan dipertimbangkan. Deposit sebutharga akan diselaraskan atau dikembalikan mengikut mana yang berkenaan setelah sebutharga diputuskan;

- 3.3.6 Suatu **Jawatankuasa Sebutharga Lucuthak** akan ditubuhkan dan ahli Jawatankuasa Sebutharga Khas ini hendaklah terdiri daripada Pentadbir Tanah atau seorang Ketua Penolong Pentadbir Tanah, seorang Penolong Pentadbir Tanah atau Ketua Penolong Pentadbir Tanah bertanggungjawab untuk menganalisis sebutharga dan membuat perakuan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri untuk keputusan. Seorang Penolong Pentadbir Tanah dengan seorang pegawai kastam kanan Kumpulan Sokongan bertanggungjawab untuk membuka sebutharga yang diterima atau menjadualkan Kumpulan Sokongan bertanggungjawab untuk menguruskan pelawaan sebutharga, menerima atau memulangkan deposit sebutharga, mencatat keputusan sebutharga dan menyimpan/merekod maklumat/data tentang apa sahaja perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan sebutharga;
- 3.3.7 Selepas tawaran, sebutharga dibuka oleh Penolong Pentadbir Tanah dengan seorang pegawai kanan Kumpulan Sokongan maka kakitangan Kumpulan Sokongan perlu menyenaraikan semua tawaran yang diterima dengan borang seperti di 'Lampiran B'; Penolong Pentadbir Tanah dengan pegawai kanan Kumpulan Sokongan yang membuka sebutharga mesti menandatangani Jadual Sebutharga;
- 3.3.8 Perakuan mengenai sebutharga perlu dibuat oleh Pentadbir Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah dalam masa

sekurang-kurangnya 2 minggu setelah tamat tempoh sebutharga. Dalam mengemukakan perakuan tersebut kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri semua maklumat sebutharga dan tawaran yang diterima hendaklah dilampirkan bersama;

- 3.3.9 Perakuan sebutharga akan diangkat kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan beliau perlu memberikan keputusan setelah mengadakan mesyuarat dengan suatu **Jawatankuasa Pemutus Sebutharga Lucuthak** yang terdiri daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri, seorang Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri, seorang Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, seorang Pegawai Penempatan Kanan dan seorang Pegawai Undang-Undang;
- 3.3.10 Dalam memilih penyebutharga yang berjaya, pihak jawatankuasa hendaklah **memastikan harga tawaran tidak kurang daripada harga simpanan**. Jika Tawaran kurang daripada harga simpanan dalam lingkungan sebanyak 20% dan ke bawah maka jawatankuasa masih boleh memutuskan sebutharga tanpa merujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri. Jika harga tawaran tertinggi kurang daripada harga simpanan melebihi 20% maka keputusan sebutharga akan dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- 3.3.11 Jika Pengarah Tanah dan Galian Negeri mempunyai kepentingan persendirian atau kepentingan terletakhak terhadap mana-mana sebutharga yang diperakukan maka beliau perlu menarik diri daripada membuat keputusan mengenai sebutharga dan Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri akan membuat keputusan bagi sebutharga

tersebut. Jika kedua-dua mereka mempunyai kepentingan persendirian atau kepentingan terletak terhadap mana-mana sebutharga yang diperakukan maka sebutharga tersebut akan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk keputusan. Pegawai-pegawai lain yang mempunyai kepentingan persendirian atau kepentingan terletak terhadap mana-mana sebutharga yang diperakukan juga perlu menarik diri daripada menguruskan sebutharga tersebut;

3.3.12 Keputusan sebutharga tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh sekurang-kurangnya 2 minggu daripada tarikh penerimaan perakuan sebutharga daripada Pentadbir Tanah atau sehingga mendapatkan keputusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (jika berkaitan);

3.3.13 Penyebutharga yang berjaya hendaklah dimaklumkan serta merta dan kegagalan penyebutharga yang berjaya menerima tawaran dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan deposit sebutharga dirampas dan pihak jawatankuasa boleh menimbang tawaran sebutharga yang lain. Jika tawaran lain terlalu rendah sebutharga boleh dipelawa semula atau dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk keputusan.

3.4 **Tatacara Pelupusan Secara Lelong**

3.4.1 **Alatan/barang lain yang turut dirampas sewaktu membuat serbuan bagi kesalahan bagi kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426 Kanun Tanah Negara, 1965 yang mudah rosak dan mempunyai nilai pasaran boleh dilupuskan secara lelongan, contohnya gergaji biasa atau elektrik, baldi, pembancuh simen, cangkul penyodok, batang besi dan lain-**

lain;

- 3.4.2 Notis lelong dibuat melalui borang '**Lampiran E**' dan mesti mencatatkan maklumat semua aset yang hendaklah dilelong, tarikh masa dan tempat lelongan. Urusan lelong hendaklah dibuat di pejabat tanah atau di tempat lain yang difikirkan sesuai;
- 3.4.3 **Harga minimum (simpanan) berdasarkan nilai semasa hendaklah ditetapkan** terlebih dulu dan Jabatan Kerja Raya akan menetapkan harga simpanan di mana nilai harga minimum ini akan dinyatakan di dalam Notis Lelong;
- 3.4.4 Aset/Barang yang akan dilelong hendaklah **dipamirkan untuk dilihat oleh orang ramai sekurang-kurangnya untuk tempoh 3 hari bekerja** dengan harga simpanan dipamirkan pada aset /barang yang dilelong;
- 3.2.5 **Lelongan boleh dikendalikan oleh Pentadbir Tanah atau Ketua Penolong Pentadbir Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah atau syarikat persendirian atau pelelong berlesen yang dilantik oleh Pentadbir Tanah.**
- 3.2.6 Pembeli yang berjaya dalam lelongan hendaklah menjelaskan semua bayaran sebelum mengambil aset/barang yang dilelong;
- 3.2.7 Jika harga tawaran tertinggi kurang daripada harga simpanan,aset /barang hendaklah dilelong semula atau dimaklumkan kepada Penagarah Tanah dan Galian Negeri untuk arahan dan keputusan selanjutnya.

4. KAEDAH/TATACARA PELUPUSAN PELUPUSAN HIDUPAN/TERNAKAN

4.1 Terdapat jua kes di mana terdapat kesalahan dilakukan di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara, 1965 yang melibatkan hidupan/ternakan. Melalui **seksyen 426C(6) Kanun Tanah Negara, 1965, jika benda yang dirampas ketika menjalankan kuasa di bawah seksyen 426A bersifat boleh binasa atau penjagaannya melibatkan belanja yang tidak menusabah dan menyukarkan benda itu boleh dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan akan dipegang sementara menanti keputusan apa-apa dakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.** Oleh itu dicadangkan supaya Pentadbir Tanah membuat tindakan berikut:

4.1.1 Apa bila dikenalpasti terdapat penceroboh di atas tanah Kerajaan dan terdapat hidupan/ternakan di atasnya maka Pentadbir Tanah perlu mengemukakan **notis secara pentadbiran** bahawa memberitahu pemilik/ejen hidupan/ternakan tersebut bahawa dia telah melakukan satu kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara, 1965 dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Seterusnya minta pemilik/ejen hidupan/ternakan tersebut supaya mengosongkan premis dalam masa yang munasabah atau tindakan undang-undang boleh diambil terhadapnya. Pastikan penyampaian notis adalah sempurna;

4.1.2 Setelah tamat tempoh notis yang pertama, susuli dengan **notis pentadbiran kedua** memberitahu pemilik/ejen hidupan/ternakan bahawa perobohan binaan dan perampasan hidupan/ternakan akan dijalankan pada suatu tarikh yang ditetapkan. Pastikan penyampaian notis adalah sempurna. Pentadbiran Tanah juga perlu menyediakan terlebih dahulu tempat lain yang sesuai untuk mengalih hidupan/ternakan sebelum tindakan perampasan dilaksanakan supaya tidak

timbul masalah untuk menempatkan hidupan/ternakan yang telah dirampas. Pentadbir Tanah juga perlu memastikan supaya penjagaan hidupan/ternakan yang dirampas adalah teratur;

- 4.1.3 Setelah tindakan perobohan binaan dibuat dan hidupan/ternakan dirampas maka Pentadbir Tanah boleh jika difikirkan suaimanfaat mengeluarkan iklan di dalam akhbar berbahasa Melayu, Cina dan Tamil atau membuat iklan atau notis (secara pentadbiran) dan menampalnya di tempat awam **atau** membuat pengumuman melalui media atau masjid **bahawa hidupan/ternakan yang telah dirampas akan dijual pada hari, tarikh dan tempat yang dinyatakan;**
- 4.1.4 Jualan boleh dikendalikan oleh Pentadbir Tanah atau Ketua Penolong Pentadbir Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah atau mana-mana pihak yang dilantik oleh Pentadbir Tanah. Hidupan/ternakan **boleh dijual secara kesemuanya kepada satu pihak atau menjualnya secara berasingan kepada pembeli yang berlainan. Pembeli ditentukan melalui pihak yang menawarkan harga belian tertinggi.** Pentadbir Tanah juga berhak untuk menjual hidupan/ternakan yang dirampas dengan cara lain yang difikirkan suaimanfaat untuk dilaksanakan;
- 4.1.5 Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan kesemua bayaran **secara tunai** sebelum boleh mengambil hidupan/ternakan tersebut. Resit pembelian mesti dikemukakan kepada pembeli dan salinannya disimpan oleh pejabat tanah;
- 4.1.6 Dalam pada itu Pentadbir Tanah perlu meneruskan tindakan pendakwaan atau sitaan hidupan/ternakan yang dirampas.

Sekiranya Pentadbir Tanah tidak berhasrat untuk mendakwa pemilik/ejen hidupan/ternakan yang dirampas maka dia boleh dikompaun di bawah seksyen 429B Kanun Tanah Negara, 1965 tetapi dikompaun dan tetap perlu menjalani proses undang-undang seperti kehendak seksyen 426C Kanun Tanah Negara, 1965.

LAMPIRAN 'A'

NOTIS TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa untuk membeli aset san barang seperti berikut:-

- | <u>Bil</u> | <u>Perihal</u> | <u>Kuantiti</u> | <u>Harga simpanan</u> | <u>Deposit Tender</u> |
|------------|--|-----------------|-----------------------|-----------------------|
| 1. | | | | |
| 2. | | | | |
| 3. | | | | |
| 2. | Aset dan barang boleh dilihat padahingga.....di antara jam.....hinggadi | | | |
| 3. | Tender akan ditutup pada20, tepat pada jam 12.00 tengahari. | | | |
| 4. | Tawaran boleh dibuat dalam bentuk surat biasa dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan/no. syarikat, alamat, butiran aset/barang yang dikehendaki, harga tawaran dan deposit tender ATAU tawaran dibuat dalam Borang Tawaran Tender yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 60 hari. | | | |
| 5. | Semua tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul dan ditanda Tender No.....dan dihantar Melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:
.....
.....
.....
..... | | | |

6. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

- 6.1 Aset dan barang akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- 6.2 Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aded dan barang atau RM10,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/ bank deraf atau Cashiers' Order atas nama..... Tawaran tanpa deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- 6.3 Semua aset dan barang adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
- 6.4 Jabatan ini tidak bertanggung jawab ke atas aset dan barang yang rosak setelah dijual.
- 6.5 Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset dan barang hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- 6.6 Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempohdari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh deposit tender akan dilucuthak dan jabatan akan melupuskan semula aset barang berkenaan dengan apa-apa cara yang difikir suaimanfaat.
- 6.7 Petender yang berjaya hendaklah mengeluarkan aset dan barang tempohselepas bayaran penuh dijelaskan, jika tidak jabatan berhak untuk melupuskan semula dan apa-apa bayaran yang telah dibuat akan dilucutkan. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset dan barang boleh dikeluarkan daripada tempat ia disimpan.

Tarikh:

.....
(Pentadbir Tanah)
Pejabat Tanah Daerah

LAMPIRAN 'B'

JADUAL TENDER/SEBUTHARGA

Perkara: -----

Bil.	Kod Tender/Sebutharga	Harga Tawaran

Nota harga-harga tawaran di atas adalah harga yang tercatat di dalam di dalam dokumen tender/sebutharga yang diterima dan belum diputuskan. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana tender/sebutharga.

.....
(Penolong Pentadbir Tanah)
Pejabat Tanah Daerah.....

.....
(Pegawai Kanan Kumpulan Sokongan)

Tarikh:.....

LAMPIRAN 'C'

NOTIS TENDER

1. Tawaran sebutharga adalah dipelawa untuk membeli aset dan barang seperti di Lampira 'C1'.

2. Aset dan barang boleh dilihat pada hingga di antara jam hingga
3. Syarat-syarat dan peraturan sebutharga adalah seperti di **Lampiran 'C2'**.
4. Tawaran sebutharga boleh dibuat bentuk surat biasa dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan/no. syarikat, alamat, butiran aset/barang yang dikendaki, harga tawaran dan deposit sebutharga ATAU tawaran sebutharga dibuat dalam Borang Tawaran Sebutharga yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 60 hari.
5. Semua sebutharga hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan dtanda Sebutharga No..... dan dihantar melalui pos atau dimasukkan dalam Peti Sebutharga di alamat:-
.....
.....
.....
6. Tarikh tutup sebutharga pada jam 12.00 tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh :

.....
(Pentadbir Tanah)
Pejabat Tanah/Daerah

LAMPIRAN 'C1'

1. Senarai aset dan barang untuk dijual adalah seperti berikut:

<u>Bil</u>	<u>Perihal</u>	<u>Kuantiti</u>	<u>Harga simpanan</u>	<u>Deposit Tender</u>
1.				
2.				
3.				

LAMPIRAN 'C2'

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset dan barang akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset barang atau RM 10,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/ draf bank atau Cashier's Order sahaja atas nama Sebutharga tanpa deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
3. Semua aset dan barang adalah dijual adalah sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basic*).
4. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset dan barang hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
5. Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset dan barang hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
6. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh satu minggu, deposit sebutharga akan dilucuthak dan jabatan akan melupuskan semua aset dan barang berkenaan dengan apa-apa cara.

LAMPIRAN 'D'

BORANG TAWARAN TENDER / SEBUTHARGA

Nama Individu/Syarikat
No. Kad Pengenalan/No. Syarikat

Alamat

Pejabat Tabah/Daerah.....
(alamat)

Tuan,

TAWARAN UNTUK TENDER/SEBUTHARGA BIL _____ / _____ .

Saya/kami merujuk kepada perkara di atas dan ingin memaklumkan bahawa saya/kami berminat untuk menyertai tender/sebutharga di atas.

2. Harga tawaran saya/kami adalah seperti berikut;-

<u>Bil</u>	<u>Perihal</u>	<u>Kuantiti</u>	<u>Harga Tawaran</u>
------------	----------------	-----------------	----------------------

3. Bersama-sama ini disertakan deposit tender/sebutharga sebanyak RM.....dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/ band deraf/ Cashier's Order no.....di atas nama

4. Saya/kami memahami serta bersetuju dengan semua syarat-syarat tawaran ini.

Sekian, terima kasih.

.....
(Tandatangan)

* *Jika syarikat, tandatangan mestilah seorang Pengarah Syarikat Setiausaha Syarikat ATAU tandatangan dua orang Pengarah Syarikat. Cop mohor syarikat juga hendaklah dimeterai di sebelah tandatangan tersebut.*

LAMPIRAN 'E'

NOTIS JUALAN LELONGAN

Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Tanah/ Daerahakan mengadakan jualan lelong aset dan barang seperti berikut:

Tarikh :
Masa :
Tempat :

2. Senarai aset dan barang yang akan dilelong adalah seperti di **Lampiran 'E1'**. Semua aset dan barang boleh dilihat pada dari jam hingga jam di
3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti di **Lampiran 'E2'**.

Tarikh :

.....
(Pentdbir Tanah)
Pejabat Tanah Daerah

LAMPIRAN 'E1'

<u>Bil</u>	<u>Aset/Barang</u>	<u>Kuantiti</u>	<u>Harga Simpanan</u>
1.			
2.			
3.			

LAMPIRAN 'E2'

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset dan barang akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penawar harga tertinggi adalah pembeli yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, aset dan barang berkenaan akan dilelong semula.
3. Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di dalam senarai dan menarik balik mana-mana aset dan barang dari senarai lelongan.
4. Semua aset dan barang adalah dijual sebagaimana keadaanya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset dan barang yang rosak setelah dijual.
6. Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset dan barang hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no. kad pengenalan dan alamat kepada pegawai pelelong semasa jualan dilakukan dan hendaklah membuat pembayaran penuh dengan serta merta dalam tempoh tertentu yang ditentukan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengeluarkan aset dan barang dalam tempoh 7 hari daripada tarikh lelong. Jika tidak, pejabat tanah berhak untuk melupuskannya. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset dan barang boleh dikeluarkan daripada tempat ia disimpan.